

**PEMBINAAN DAN VALIDASI INSTRUMEN PERKEMBANGAN
SOSIOEMOSI KANAK-KANAK PRASEKOLAH MENGGUNAKAN
MODEL PENGUKURAN RASCH**

MOHD SAHARDI BIN ISMAIL

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENGUKURAN DAN PENDIDIKAN)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina dan menentusahkan Instrumen Perkembangan Sosioemosi Kanak-kanak Prasekolah (IPSP) untuk mengukur perkembangan sosioemosi kanak-kanak berusia lima hingga enam tahun. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan dengan skala likert empat mata. Responden terdiri daripada 710 orang guru dan 1250 kanak-kanak prasekolah di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia, KEMAS, serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Draf awal instrumen yang dibangunkan mempunyai 53 item yang dibina berdasarkan model Miller daripada tiga konstruk iaitu mengurus emosi, membina emosi positif, dan membina hubungan sosial. IPSP menggunakan Model Pengukuran Rasch melalui *Principal Component Analysis* (PCA) dan kesepadanan item seperti MNSQ dan polariti item (PTMEA). Hanya 32 item dikekalkan dalam draf akhir IPSP berdasarkan nilai PCA dan kesepadanan item. Keputusan PCA menunjukkan sebanyak 57.7% dengan varians dapat dijelaskan oleh item-item dalam IPSP dan 5.9% varians tidak dapat dijelaskan oleh kontras pertama. Dari sudut polariti item, setiap item menyumbang kepada pengukuran tersebut antara 0.59 hingga 0.75. Kebolehpercayaan individu bagi instrumen ini ialah 0.95 dengan pengasingan 4.43, manakala kebolehpercayaan item ialah 0.99 dengan nilai pengasingan 9.18, menunjukkan kecukupan sampel dan item. Kesimpulannya, IPSP menunjukkan bukti-bukti kesahan dan kebolehpercayaan yang baik melalui analisis Rasch. Responden juga mempunyai persepsi yang positif terhadap kebolegunaan (88% guru) dan kebolehtadbiran (89.4% guru) instrumen ini. Implikasinya, IPSP mempunyai potensi untuk digunakan di prasekolah di Malaysia. Pembinaan IPSP ini menambah koleksi instrumen perkembangan murid prasekolah sedia ada, di samping memperluaskan penggunaan Model Pengukuran Rasch ke peringkat prasekolah di Malaysia.





THE DEVELOPMENT AND VALIDATION OF A SOCIO EMOTIONAL DEVELOPMENT INSTRUMENT USING THE RASCH MODEL

ABSTRACT

This study aims to develop and validate a socio-emotional development instrument (IPSP) to measure the socio-emotional development among children between 5 and 6 years of age. The respondents comprised of 710 teachers and 1250 preschool children from preschools under the Ministry of Education, KEMAS, and Department of National Unity and Integrity in Pahang. The early draft of the instrument contained 53 items which were built based on Miller's model from three constructs namely managing emotion, developing positive emotions, and developing positive social relations. IPSP was established using Rasch measurement model through the principal component analysis (PCA) and item fit statistics such as MNSQ and item polarity (PTMEA). Only 32 items were retained in the final draft of the IPSP instrument based on the PCA values and item fit statistics. The results showed that 57.7% of the variance was able to be explained by the measure, with unexplained variance by first contrast 5.9%. In terms of item polarity, each item was found to contribute to the measure between 0.59 and 0.75. The person reliability of the instrument was 0.95 with separation 4.43, whilst the item reliability was 0.99 with separation 9.18. In conclusion, the IPSP has shown evidences of acceptable validity and reliability through Rasch analysis. Respondents showed positives perception towards the usability (88% teachers) and administrability (89.4% teachers) of this instrument. As the implication, IPSP has a potential to be used in preschool in Malaysia. The development of IPSP has added to the present collection of preschool development instrument, besides expanding the use of Rasch analysis to the preschool level in Malaysia.



KANDUNGAN**Muka surat****PERAKUAN**

ii

PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS

iii

PENGHARGAAN

iv

ABSTRAK

v

ABSTRACT

vi

KANDUNGAN

vii

SENARAI JADUAL

xiii

SENARAI RAJAH

xvi

SENARAI SIMBOL/SINGKATAN

xvii

SENARAI LAMPIRAN

xviii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan

1

1.2 Latar Belakang Kajian

4

1.3 Pernyataan Masalah

13

1.4 Objektif Kajian

19

1.5 Soalan Kajian

21

1.6 Kepentingan Kajian

22

1.7 Kerangka Teori

25

1.8 Kerangka Konseptual

31

1.9 Batasan Kajian

34

1.10 Definisi Operasi

35

1.11 Kesimpulan	45
-----------------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	46
----------------	----

2.2. Sosioemosi	47
-----------------	----

2.3 Konsep Kemahiran Emosi Dan Sosial	48
---------------------------------------	----

2.4 Perkembangan Kemahiran Sosioemosi	48
---------------------------------------	----

2.5 Komponen Perkembangan Sosioemosi	50
--------------------------------------	----

2.6 Perkembangan Kemahiran Sosioemosi Prasekolah	51
--------------------------------------------------	----

2.7 Pengajaran Sosioemosi Di Bilik Darjah	54
-------------------------------------------	----

2.8 Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)	55
-----------------------------------------------------	----

2.9 Model Pembinaan Instrumen	
-------------------------------	--

2.9.1 Model Pembinaan Ujian Mc Intire dan Miller	61
--------------------------------------------------	----

2.10 Model Perkembangan Kanak-Kanak	
-------------------------------------	--

2.10.1 Model Ekologi	64
----------------------	----

2.10.2 Model Tingkah Laku	64
---------------------------	----

2.10.3 Model Montessori	65
-------------------------	----

2.11 Teori Perkembangan Kanak-Kanak Prasekolah	
------------------------------------------------	--

2.11.1 Teori Emosi Empat Faktor Parkinson	68
-------------------------------------------	----

2.11.2 Teori perkembangan Sosioemosi Erik Erikson	70
---------------------------------------------------	----

2.11.3 Teori pembelajaran Sosial Albert Bandura	74
-------------------------------------------------	----

2.11.4 Teori Perkembangan Moral Lawrence Kohlberg	76
---------------------------------------------------	----

2.11.5 Teori Perkembangan Ekologi Bronfenbrenner	79
--------------------------------------------------	----

2.12	Teori Pengukuran	
2.12.1	Teori Ujian Klasik	83
2.12.2	Teori Respon Item	88
2.13	Perbandingan Antara Teori Ujian Klasik Dan Teori Respon Item	90
2.14	Konstruk Perkembangan Sosioemosi	98
2.15	Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Dengan Sosioemosi	
2.15.1	Perkembangan Emosi	99
2.15.2	Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak Mengikut Umur	101
2.15.3	Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak Mengikut Jantina	104
2.15.4	Penilaian Perkembangan Kanak-Kanak	106
2.16	Model Pengukuran Rasch	
2.16.1	Pembinaan Ujian Menggunakan Model Pengukuran Rasch	114
2.16.2	Kualiti Ujian Menggunakan Model Pengukuran Rasch	116
2.16.3	Analisis Data Berdasarkan Model Pengukuran Rasch	
2.16.3.1	Kebolehpercayaan Item dan Responden	119
2.16.3.2	Kesahan Item	121
2.16.3.3	Perbezaan Kefungsian Item	130
2.16.3.4	Pemetaan Individu	130
2.17	Pendekatan Dalam Pembinaan Instrumen	

2.17.1 Pendekatan Rasional 134

2.17.2 Pendekatan Emperikal 135

2.17.3 Pendekatan Rasioanak-Emperikal 135

2.18 Kesimpulan 136

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan 137

3.2 Reka Bentuk Kajian 138

3.3 Populasi dan Sampel Kajian

3.3.1 Populasi 140

3.3.2 Saiz Sampel 142

3.4 Instrumen Kajian 147

3.5 Kajian Rintis 155

3.6 Kesahan Instrumen 160

3.7 Kebolehpercayaan Item Soal Selidik 178

3.8 Kebolegunaan dan Kebolehtadbiran Instrumen IPSP 183

3.9 Kesukaran Item Instrumen IPSP 189

3.10 Prosedur Pengumpulan Data 192

3.11 Kaedah dan Teknik Pengumpulan Data 193

3.12 Analisis Data 194

3.13 Kesimpulan 195

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 196

- 4.2 Setakat Manakah Kesahan Instrumen Mengukur Perkembangan Kemahiran Sosioemosi Kanak-Kanak Prasekolah Yang Dibina Menggunakan Model Pengukur Rasch Berdasarkan Kesepadanan Item, Poliriti Item Dan *Principal Compoment Analysis (PCA)*? 198
- 4.3. Setakat Manakah Kebolehpercayaan Instrumen IPSP Yang Dibina Berdasar Indeks Kebolehpercayaan dan Pengasingan Individu dan Indeks Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item 213
- 4.4. Setakat Manakah Kualiti Item-Item Dalam Instrumen Yang Dibina Untuk Kajian Ini Dari Aspek Taburan Aras Kesukaran Item dan Anggaran Min Kebolehan Individu ? 220
- 4.5 Apakah Terdapat Perbezaan Kefungsian Item (*Differential Item functioning*) Perkembangan Kemahiran Sosioemosi Mengikut Jantina dan Umur Kanak-Kanak Prasekolah? 229
- 4.6 Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak Prasekolah Bagi Bulan Mei dan Oktober Dalam Tahun Yang Dinilai? 238
- 4.7 Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Perkembangan Kemahiran Sosioemosi Kanak-Kanak Prasekolah Berdasarkan Konstruk Dalam Instrumen IPSP? 239
- 4.8. Apakah Persepsi Guru Prasekolah Tentang Kebolegunaan dan Kebolehtadbiran Instrumen IPSP ? 241
- 4.9 Kesimpulan 245

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

- 5.1 Pengenalan 246
- 5.2 Ringkasan Kajian 247
- 5.3 Rumusan Dapatan Kajian 251
- 5.4 Perbincangan Dapatan Kajian 252
- 5.5 Sumbangan dan Implikasi 274
- 5.6 Cadangan Kajian Lanjutan 283

5.7	Kesimpulan	287
	RUJUKAN	289
	LAMPIRAN	

**SENARAI JADUAL**

No Jadual	Muka Surat
2.1 Tema Sosioemosi Dalam Kurikulum Standard Prasekolah	59
2.2 Perbandingan Teori Ujian Klasik dan Teori Respon Item	91
2.3 Huraian Julat MNSQ	118
2.4 Huraian Julat Z-std	125
2.5 Huraian Julat Nilai Piawai t	127
3.1 Jumlah Kanak-Kanak Prasekolah Negeri Pahang Mengikut Agensi Prasekolah	141
3.2 Bilangan Populasi dan Sampel Mengikut Krejcie dan Morgan	145
3.3 Pembahagian Nisbah Saiz Sampel Mengikut Populasi Kanak-Kanak Prasekolah	146
3.4 Taburan Item Berdasakkan Konstruk Instrumen IPSP	154
3.5 Tahap Skala Likert Perkembangan Kemahiran Sosioemosi Kanak-Kanak Prasekolah	158
3.6 Tahap Persetujuan Pakar Mengikut Pengiraan Cohen Kappa	168
3.7 Indikator Persetujuan Cohen Kappa	169
3.8 Tahap Persetujuan Pakar	170
3.9 Pembentukan Item Selepas Kajian Rintis	171
3.10 Polariti Item-Item Mengukur Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak Prasekolah	179
3.11 Varian Reja Terpiawai Bagi Item Mengukur Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak Prasekolah	180
3.12 Indeks Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item Kajian Rintis	183
3.13 Tahap Kebolehpercayaan Instrumen IPSP	184



3.14	Indeks Pengasingan Individu dan Item Mengikut Konstruk	185
3.15	Bilangan Item Yang Digugurkan Semasa Kajian Rintis	185
3.16	Nilai Kuasa Dua <i>Infit</i> Dan min kuasa dua <i>outfit</i> item	186
3.17	Indeks Kebolehpercayaan Individu dan Item Kebolegunaan Instrumen IPSP	187
3.18	Indeks Kebolehpercayaan Individu dan Item Kebolehtadbiran Instrumen IPSP	188
3.19	Rumusan Kebolehpercayaan Instrumen Kebolegunaan dan Kebolehtadbiran Instrumen IPSP	189
3.20	Aras Kesukaran Instrumen IPSP Kebolegunaan dan Kebolehtadbiran	191
3.21	Kesahan Instrumen Kebolegunaan dan Kebolehtadbiran Instrumen IPSP	191
3.22	Kaedah Menganalisis Data	194
4.1	Kriteria Kesahan Konstruk Instrumen IPSP	199
4.2	Item Kesepadanan Bagi Instrumen IPSP	202
4.3	Bilangan Item Yang Digugurkan Selepas Kajian Sebenar	203
4.4	Polariti Item Bagi Konstruk Instrumen IPSP	207
4.5	Keputusan Prinsipal Komponen Analisis Residual (PCAR)	212
4.6	<i>Largest Standard Rasidual Correlation</i> Bagi Skala Kemahiran Sosioemosi	213
4.7	Tahap Kebolehpercayaan Responden	215
4.8	Nilai Indeks Kebolehpercayaan Individu	217
4.9	Nilai Indeks Kebolehpercayaan Item	218
4.10	Indeks Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item Serta Individu Mengikut Konstruk	219
4.11	Taburan Kesukaran Item Instrumen IPSP	224



4.12	Hieraki Item Perkembangan Kemahiran Sosioemosi Kanak-Kanak Prasekolah	227
4.13	Kebezaan Kefungsian Item (DIF) Mengikut Jantina	232
4.14	Kebezaan Kefungsian Item (DIF) Mengikut Umur	236
4.15	Tahap Perkembangan Kemahiran Sosioemosi Antara Bulan Mei dan Oktober Mengikut Konstruk	238
4.16	Perbezaan Kemahiran Sosioemosi Antara Bulan Mei dan Oktober Mengikut Konstruk Instrumen IPSP	240
4.17	Indeks Kebolehpercayaan Dan Pengasingan Individu Serta Item Bagi Kebolegunaan dan Kebolehtadbiran Instrumen IPSP	242
4.18	Tahap Kebolegunaan dan Kebolehtadbiran Instrumen IPSP	244
4.19	Ukuran Kebolegunaan dan Kebolehtadbiran Instrumen IPSP	245



SENARAI RAJAH

No Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teori Pembinaan Instrumen Mengukur Perkembangan Kanak-Kanak Prasekolah	26
1.2 Konseptual Kajian	33
2.1 Tunjang Dalam Kurikulum Standard Prasekolah	58
2.2 Model Pembinaan Ujian Mc Intire dan Miller	63
2.3 Hubungan Antara Indicator dan Pengalaman Emosi	70
2.4 Hubungan Antara Kebolehan Individu Dengan Responds Item	97
3.1 Reka Bentuk Pembinaan Instrumen IPSP	154
3.2 Peta Taburan Item dan Responden Kebolegunaan Serta Kebolehtadbiran Instrumen IPSP	187
4.1 Peta Taburan Kebolehan Individu dan Kebolehan Item Mengikut Aras Kesukaran Item Mengukur Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak Prasekolah	218
4.2 Peta Taburan Kebolehan Individu Dan Kebolehan Item Mengikut Anggaran Individu Mengukur Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak Prasekolah	221
4.3 Perbandingan Antara Kebolegunaan dan Kebolehtadbiran Mengukur Perkembangan Sosioemosi Kanak Prasekolah	238

SENARAI SIMBOL/SINGKATAN

CTT	<i>Clasis Team Theory</i>
DIF	<i>Differential Item Functioning</i>
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
IPSP	Instrumen Pengukuran Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak Prasekolah
JSI	Jadual Spesifikasi Instrumen
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
MNSQ	<i>Outfit Mean Square</i>
NAECS/SDE	<i>The National Association Of Early Childhood Specialist State Department of Education NAEYCNational Association For The Education of Young Children</i>
NKRA	<i>National Key Result Areas</i>
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PTMEA CORR	<i>Point Measure Correlation</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
TRI	Teori Respon Item
UNICEF	<i>United National International Children's Emergency Fund</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A Prosedur Kajian Rintis
- B Contoh Instrumen IPSP Untuk Rujukan Pakar
- C Jadual Spesifikasi Instrumen
- D Instrumen Kajian Rintis Mengukur Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak Prasekolah: 53 Item
- E Keputusan Kajian Rintis 1
- F Keputusan Kajian Rintis 2
- G Keputusan Kajian Rintis 3
- H Instrumen Kajian Sebenar Mengukur Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak Prasekolah: 45 Item
- I Analisis Sebenar 1
- J Analisis Sebenar 2
- K Analisis Sebenar 3
- L Analisis Sebenar 4
- M Instrumen Menilai Kebolehgunaan dan Kebolehtadbiran Instrumen Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak Prasekolah
- N Instrumen Temubual
- O Surat Kebenaran EPRD
- P Surat Kebenaran JPN Pahang
- Q Surat Kebenaran Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Negeri Pahang



PENGENALAN

BAB 1

Pengenalan

Pendidikan prasekolah merupakan pendidikan awal sebelum kanak-kanak mengikuti pendidikan di sekolah rendah. Pendidikan ini merupakan asas kepada perkembangan awal diri kanak-kanak (Kamaruddin Yaakob, 2006). Mengikut Putri Zabariah Megat Abdul Rahman, (2004), kanak-kanak yang mengikuti pendidikan prasekolah akan menunjukkan tindak balas yang positif kepada perkembangan diri mereka ketika berada di sekolah rendah atau menengah kelak. Pengalaman di prasekolah memberi keyakinan dan sikap positif mereka sebelum memasuki pendidikan di sekolah rendah (Liza Isyqi, 2007).

Dalam kurikulum pendidikan prasekolah matlamat kandungannya untuk menyubur potensi diri kanak-kanak dalam aspek perkembangan diri. Perkembangan diri memberi manfaat dan faedah kepada mereka, keluarga, dan masyarakat. Kanak-kanak merupakan aset negara yang wajar diberi pendidikan yang menyeluruh seperti mana terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).





Dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), perkembangan kanak-kanak di tumpukan kepada bidang bahasa dan komunikasi, kognitif, kerohanian dan moral, sosioemosi, fizikal, kreativiti dan estetika (Malaysia, 2006). Mengikut teori perkembangan kanak-kanak Erik Erikson (1968), seorang kanak-kanak itu akan berkembang mengikut tahap umur dan keperluan mereka. Kanak-kanak akan meniru tingkah laku yang mereka perhatikan dan guru merupakan model terbaik kepada mereka. Teori pembelajaran sosial Albert Bandura (1956) pula, perkembangan kanak-kanak berdasarkan persekitaran, individu dan tingkah laku, (Ormrod, 2008).

Perkembangan awal kanak-kanak ialah perkembangan motor kasar dan motor halus, pertuturan, dan sosioemosi. Perubahan ini termasuk peningkatan ingatan dan kemahiran menukul, (Kurdek dan Sinclair, 2001; Brasserd dan Boehm, 2008). Untuk melihat perkembangan ini satu alat ukur perlu dibina untuk mengukur perkembangan diri kanak-kanak seperti dikehendaki oleh pihak-pihak yang terlibat dengan proses kajian perkembangan kanak-kanak. Pengesanan awal dan berterusan terhadap perkembangan kanak-kanak memudahkan guru dan ibu bapa menyediakan intervensi yang sesuai kepada kanak-kanak yang terlibat (See, 2000). Keperluan ini telah termaktub dalam akta pendidikan (1996), dan peraturan pendidikan kurikulum 1997 di perenggan 5(1):

‘Tiap-tiap tadika hendaklah membuat penilaian berterusan tentang perkembangan murid-muridnya dalam domain kognitif, afektif dan psikomotor’



Kegagalan mengesan di peringkat awal perkembangan kanak-kanak akan menghalang guru mendapat manfaat dari proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya di sekolah (Pianta dan Cox, 2000). Maklumat ini telah ditegaskan dalam KSPK iaitu:

“Pendidikan prasekolah diberi kepada semua kanak-kanak tanpa mengira latar belakang keluarga, agama, di mana mereka tinggal, bagaimana kesihatan dan tubuh badan kanak-kanak serta pelbagai perkembangan yang ada pada mereka sama ada belajar dalam kelas biasa atau kelas khas mengikut keperluan mereka”

Kementerian Pelajaran Malaysia, (2006).

Mengikut Woolfolk dan Margetts (2007), perkembangan diri kanak-kanak meliputi aspek fizikal, kognitif dan psikososial. Maxwell, Bryant, Ridley dan Keyes-Elstein (2001), kanak-kanak mempunyai lima domain perkembangan sebelum menerima pendidikan formal di sekolah rendah, iaitu perkembangan kesihatan dan fizikal, perkembangan sosioemosi, pendekatan pembelajaran, bahasa dan kebolehan komunikasi, kognitif dan pengetahuan. Kajian Norhashimah dan Yahya Che Lah (2005), mengatakan peringkat prasekolah merupakan masa terbaik untuk melihat perkembangan diri kanak-kanak seperti perubahan fizikal, kognitif, afektif dan psikomotor. Haliza dan H.N Samuel (2004), perkembangan adalah perubahan kualitatif yang tidak boleh diukur secara kuantitatif tetapi boleh dilihat pada perubahan diri, dari sifat lama ke sifat baru. Perubahan ini berlaku mengikut urutan dari pranatal, bayi, awal kanak-kanak, pertengahan dan akhir kanak-kanak, Santrock (2007). Mengikut Siti Eishah (2007), pencapaian kanak-kanak yang mendapat pendidikan awal di prasekolah lebih baik dibandingkan dengan kanak-kanak yang tidak pernah mendapat pendidikan prasekolah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pengukuran kepada perkembangan diri kanak-kanak akan bermula dari peringkat kejadian manusia hingga akhir hayat. Pengukuran perkembangan diri kanak-kanak sangat penting untuk mendapatkan data sebagai rujukan untuk melatih kanak-kanak berkembang mengikut kesesuaian kemahiran sedia ada pada mereka atau yang perlu digilap semula. Untuk itu rekod maklumat diri kanak-kanak adalah asas untuk guru memahami perkembangan sebenar diri kanak-kanak sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Perkembangan diri kanak-kanak bukan sahaja di nilai kepada perkembangan diri semata-mata tetapi implikasi kepada nilai dan kualiti perkembangan diri kanak-kanak itu sendiri (Epstein, 2004).

Untuk mengukur perkembangan diri kanak-kanak ianya tidak terhad kepada ujian pensel dan kertas sahaja tetapi meliputi afektif dan psikomotor. Ujian pensel dan kertas hanya sekadar mengukur daya fikir dan penyelesaian masalah (Wiggins, 1993). Untuk mengukur dan mentaksir perkembangan diri kanak-kanak perlu lebih menyeluruh, kompleks dan mendalam agar tahap kemahiran yang diukur memberi makna kepada guru dan kanak-kanak di prasekolah. Perancangan perlu dilakukan untuk membantu kanak-kanak menyelesaikan masalah dalam tempoh sebelum mereka memasuki prasekolah. Pengesanan awal dapat menyelesaikan masalah perkembangan diri kanak-kanak dari peringkat prasekolah seperti emosi dan tingkah laku, mental dan kos-kos serta beban yang terpaksa ditanggung kerajaan, (Aos Lieb, Mayfield, Miler

dan Pennuci, 2004; Campaign For Mental Health Reform, 2005 dalam Christine A.D. & Randy W.K, 2007).

Perkembangan diri kanak-kanak meliputi perkembangan sosioemosi, kawalan emosi, mengurus dan menggunakan emosi dan pembentukan peribadi. Mengikut teori Jean Piaget (1952), terdapat empat faktor perkembangan diri manusia, iaitu kematangan, pengalaman dan persekitaran, tindakan dari persekitaran sosial dan pengaturan sendiri (Samuel J. Meisel 1979). Peringkat awal perkembangan kanak-kanak merupakan peringkat yang paling sensitif bagi perkembangan manusia (Bailey, 2002). Winter (2010), menyatakan perkembangan diri manusia bermula selepas kelahiran hingga akhir hayat. Pada umur kanak-kanak empat hingga enam tahun minda mereka akan dirangsang, sikap dan emosi yang positif akan dibina, kreativiti

dan pemikiran yang kritikal akan dijana.

Kajian Foubert dan Grainger (2006), perkembangan diri manusia merangkumi perlakuan dan sikap individu dari segi personal, interpersonal, fizikal serta psikologi individu. Mengikut teori perkembangan diri kanak-kanak Erik Erikson (1956), kanak-kanak yang berumur tiga hingga enam tahun, boleh melakukan perkara yang tidak setimpal dengan umur mereka. Oleh itu perkembangan diri kanak-kanak perlu dinilai menerusi apa saja cara mereka melakukan tingkah laku NAEYC (1991). Waktu yang paling sesuai untuk mengukur perkembangan diri kanak-kanak, ketika mereka masih berada di peringkat prasekolah.

Perkembangan kemahiran sosioemosi merangkumi perkembangan tingkah laku dan emosi kanak-kanak. Pembentukan situasi emosi yang betul dan tepat membolehkan kanak-kanak mendapat kebolehan belajar yang baik dan mempengaruhi pencapaian akademik serta alam pekerjaan (Anne Miles dan Kathryn Willian, 2004). Menurut Leahy (2007), individu yang mempunyai tahap emosi yang baik mampu membaca emosi orang lain. Mereka lebih mudah menjalinkan kerjasama dan perkongsian dengan orang lain. Perkembangan kemahiran sosioemosi yang positif akan menyakinkan kanak-kanak untuk berhubung dan berinteraksi dengan rakan sebaya, ahli keluarga atau masyarakat, (Barbarian dan Klein, 2002).

National Research Council and Institutes of Medicine, (2000) dalam Kristen. M.P dan Barret P.M (2007), menyatakan kanak-kanak yang mempunyai kestabilan secara sosial, emosinya baik dan keyakinan diri yang tinggi. Pengesanan awal perkembangan diri kanak-kanak membantu pihak tertentu yang berkaitan pendidikan prasekolah mengurangkan kesan jangka masa panjang iaitu masalah mental serta kos-kos serta beban yang setiasa ditanggung (Aos, Lieb, Mayfield, Miler dan Pennuci, 2004; *Campaaign for mental Health Reform*, 2005 dalam Christines A.D dan Randy W.K, 2007).

Domitrovich, Cortes dan Greenberg (2007), kanak-kanak prasekolah yang membesar tanpa pembangunan emosi dan sosial berisiko mengalami gangguan dalam pembelajaran sepanjang sesi persekolahan formal. Tingkah laku seperti tidak memberi



perhatian terhadap pelajaran, ketidakmampuan dalam pengawalan emosi dan ketidaksabaran akan memberi kesan yang negatif terhadap kanak-kanak apabila mereka memasuki ke alam persekolahan kelak (Izard, 2004). Tambahan pula, peluang kanak-kanak untuk belajar daripada rakan sebaya dan guru berkurangan apabila memasuki alam persekolahan. Individu yang mempunyai tahap emosi yang baik, mampu menjalankan hubungan yang baik dengan orang lain melalui kemahiran sosial seperti berkomunikasi, membina persepakatan dan lebih cekap dalam mempengaruhi orang lain (Omstein dan Nelson, 2000).

Individu yang mempunyai masalah emosi akan mengalami gangguan tingkah laku, sikap dan psikologikal, nilai dan kebolehan (Hurlock, 1973). Di prasekolah kemahiran emosi hanya diajar secara gabung jalin dan tidak secara eksplisit seperti bahasa, matematik dan sebagainya, (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, 2010). Perkembangan kemahiran sosioemosi yang sihat boleh memajukan diri dan memperbaiki kelemahan kemahiran sosioemosi kanak-kanak, agar potensi diri dapat dibangun ke tahap optimum (Siti Zaharah, 2005). Aspek ini membolehkan kanak-kanak belajar sambil mengawal emosi, pemikiran dan tindakan supaya boleh disuai ke alam persekolahan. Hubungan antara kemahiran sosial dan emosi dapat dilihat melalui unsur-unsur pemahaman dan peraturan emosi dalam intervensi kemahiran sosial. (Mc Cabe dan Altamura, 2011).





Perkembangan kemahiran sosioemosi berkait rapat dengan perkembangan mental (Knizer, 2004). Statistik dari Kementerian Kesihatan Malaysia (2010), seramai 400,227 orang pesakit mental menjalani rawatan di hospital kerajaan di Malaysia. Dalam kajian mobiliti kebangsaan (2006), oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, mendapati masalah kesihatan mental melibatkan 11.2% orang dewasa dan 20.3% kanak-kanak dan remaja. Statistik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2012), menyatakan bilangan jenayah dikalangan kanak-kanak telah meningkat daripada 5,547 kes pada tahun 2011, kepada 6,020 pada tahun 2012. Masalah ini ada kaitankan dengan masalah emosi, kerana kanak-kanak yang mempunyai masalah tingkah laku akan mempunyai masalah tingkah laku juga di prasekolah atau di sekolah rendah (Squire dan Brickers (2007).



kemahiran sosioemosi dengan tingkah laku dan kejayaan sekolah (Raver, 2002; Zins, Bloodworth, Weissberg dan Walberg, 2004). Kajian Raver (2002), menunjukkan terdapat hubungan di antara pencapaian akademik dengan kemahiran sosioemosi. Kanak-kanak tidak boleh belajar untuk membaca jika mereka mempunyai masalah dalam aktiviti-aktiviti pendidikan misalnya masalah berkaitan arahan, berinteraksi bersama-sama dengan orang lain seperti rakan sebaya, guru dan ibu bapa dan mengawal emosi negatif. Ramai pendidik telah bersetuju sosioemosi adalah bahagian penting untuk diterap dalam diri kanak-kanak (Schultz, Richardson, Catherine dan Wilcox, 2011). Kajian *Center on the Social Emotional Foundations for Early*





Learning (CSEFEL 2008), menunjukkan kemahiran sosioemosi merupakan asas untuk kejayaan dan kesejahteraan kanak-kanak.

Pembinaan modul untuk mentaksir perkembangan diri untuk kanak-kanak prasekolah telah dihasilkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (2010). Kandungan modul ini mengandungi tatalaku guru untuk memperkembangkan potensi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Ini dapat meningkatkan kemahiran dan keyakinan diri kanak-kanak agar berjaya dalam persekitaran sedia ada dan bersedia memikul cabaran serta tanggungjawab di sekolah rendah kelak.

Tujuannya untuk menyubur potensi kanak-kanak dalam aspek perkembangan diri mereka, iaitu menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif. Menurut Akta Pendidikan (Akta 550), di bawah subseksyen (1) menyatakan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperoleh oleh murid-murid pada akhir tempoh pendidikan prasekolah. Perkembangan menyeluruh menjadi keprihatinan kepada penggubalan KSPK. Namun begitu keprihatinan ini gagal dilaksanakan oleh guru-guru prasekolah (Noraini 2006). Dalam KSPK pendidikan formal yang didedahkan awal kepada kanak-kanak yang belajar di prasekolah, (Kamaruddin Yaakob 2007). Pengalaman di prasekolah membekalkan kanak-kanak dengan kemahiran, keyakinan dan sikap positif sebelum memasuki persekolahan formal (Liza Isyqi, 2007). Pendidikan awal kanak-kanak telah mula menjadi satu keutamaan kini kerana mereka adalah aset

